

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : "PELANCARAN 'OBSERVING A DAY OF NON-VIOLENCE & FORGIVENESS'"
Lokasi : CENTRAL MARKET, KUALA LUMPUR
Tarikh : 08-03-1994

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izin-Nya dapat kita bersama hadir di majlis ini pada hari ni. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk melancarkan Majlis Hari Keamanan dan Kemaafan ini atau 'A Day of Non-Violence and Forgiveness'.

2. Bagi diri saya, majlis pelancaran ini merupakan kesempatan yang saya hargai. Keganasan adalah salah satu kekejian rekaan manusia yang paling terkutuk. Membasmi kekejian itu, meskipun hanya untuk satu hari, merupakan kejayaan yang besar. Oleh yang demikian usaha bersama oleh kumpulan-kumpulan Sisters In Islam, Women's Aid Organisation dan Antara Budaya Malaysia ini seharusnya dianggap sebagai suatu sumbangan bakti yang murni.

3. Saya juga diberitahu bahawa idea melancarkan majlis ini tercetus semasa Syarifah Zuriah dari Sisters in Islam berada di Vienna, menghadiri Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak-hak Asasi Manusia. Dalam satu perbincangan mengenai keganasan rumahtangga beliau telah mengutarakan cadangan melancarkan Hari Keamanan dan Kemaafan ini sebagai jejak permulaan dalam usaha membentuk dunia yang bebas, damai daripada keganasan dan kekerasan. Tetapi dalam kehangatan perbincangan yang meliputi berbagai isu, cadangan ini telah diabaikan begitu sahaja. Namun begitu Syarifah tetap meneruskan cita-citanya. Sekarang cita-cita itu turut mendapat dukungan daripada persatuan-persatuan dan orang perseorangan lain, sepertimana yang terbukti pada hari ini.

4. Saya difahamkan sokongan awal untuk cita-cita ini datang daripada kumpulan 'Sisters In Islam'. Mereka telah berusaha untuk menjadikan impian itu satu kenyataan dan saya berasa bangga kerana dapat bersama memainkan peranan dalam usaha menyemaikan kesedaran baru dalam jiwa kita semua, tanpa mengira pangkat, tua atau muda.

5. Keganasan dan kekerasan telah lama dianggap sebagai suatu cara sah untuk menyelesaikan konflik. Tetapi adakah ini satu tanggapan yang benar, yang patut kita pegang? Adakah ini cara yang rasional?

6. Kita lihat sahaja bukti-bukti yang terdapat dalam sejarah. Tidak dapat dinafikan bahawa tafsiran sejarah dari kaca mata Barat berlandaskan peperangan. Kuasa yang menang perang menentukan arus dan tafsiran sejarah. Misalnya, ciri-ciri abad kedua puluh ini telah ditentukan oleh perkembangan negara-negara kuasa besar Eropah dan Amerika. Akhirnya, hingga hanya tiga atau empat tahun yang lalu, keamanan dunia telah ditentukan oleh apa yang disebut 'Balance of Terror' atau Imbangan Kuasa Ganas -- satu kengerian yang telah memaksa kuasa-kuasa besar supaya lebih berhati-hati. Mereka takut terjerumus ke dalam kancah peperangan yang akan melibatkan penggunaan kuasa nuklear yang mampu memusnahkan seluruh dunia dalam sekelip mata.

Tetapi, apakah ertinya keamanan yang tercapai hanya dalam suasana penuh ketakutan itu.

7. Jawapan kepada soalan ini jelas tersurat dan tersirat dalam maksud dan cita-cita mereka yang telah bersusah-payah menganjurkan upacara ini.

8. Matlamat Hari Keamanan dan Kemaafan ini adalah supaya dengan terlaksananya Hari ini -- A Day of NonViolence and Forgiveness -- akan tersemailah kesedaran tentang ada alternatif yang lain. Penyelesaian konflik boleh dicapai jika kita sedar bahawa keharmonian, baik pada peringkat rumah-tangga mahupun masyarakat, hanya akan tercapai jika kita sanggup saling bermaaf-maafan, dan saling ampun-mengampuni sesama sendiri.

9. Dan jika sifat-sifat ini -- yang memang telah menjadi resmi wanita sejak zaman berzaman -- dapat dibawa ke arena antarabangsa maka sudah tentulah dunia akan dapat memasuki zaman gemilang yang tidak ada tolok bandingnya. Tidakkah sejarah telah membuktikan bahawa setiap zaman gembilang

ditunjangi oleh kestabilan dan keamanan sedangkan konflik dan pertikaian membawa kehancuran? Akan tetapi kita juga tidak boleh menafikan begitu sahaja perselisihan faham yang sudah menjadi lumrah hidup bermasyarakat. Seperti kata pepatah Melayu, "Lidah dan gigi lagi tergigit, apatah lagi manusia yang berbagai ragam".

10. Kita memerlukan keamanan, suasana damai yang memberikan tempat kepada pelbagai rupa citarasa. Itulah sebabnya setiap budaya mengutamakan sifat bertolak-ansur serta bertimbangrasa.

11. Sifat ini tidak mungkin dapat berkembang dalam jiwa kita yang tidak mempunyai sifat-sifat pengampun dan penyayang. Dan inilah tujuan kita mengadakan 'The Wall of Peace'. Harapan penganjur adalah supaya orang ramai turut serta menjayakan cita-cita ini, turut menyuarakan hasrat dan harapan mereka demi tercapainya suasana sosial sedunia yang bebas daripada keganasan, kekejaman dan kekerasan.

Moga-moga tercetuslah sifat-sifat murni ini dalam sanubari dan jiwa mereka. Insya-Allah, hari ini kita berkampung di Central Market, esok lusa cita-cita kita menular ke seluruh negara, dan akhirnya ke seluruh dunia.

12. Begitu juga dengan 'Peace Mural' yang telah dilancarkan oleh beberapa orang pelukis tanah air kita. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan dalam menjayakan mural ini diharap dapat membawa kepada berkembangnya sifat pengasih dan pengampun yang akan menghapuskan unsur negatif yang telah membawa penderitaan kepada manusia sejagat, khususnya wanita, kanak-kanak, orang tua dan mereka yang kurang bernasib baik -- baik ketika berlakunya peperangan mahupun dalam hidup kita seharian.

13. Bagi keganasan yang telah berlalu, marilah kita mengampunkan semua mereka yang bertanggung-jawab. Kekejaman yang telah terpahat dalam lembaran sejarah tak mungkin kita lupakan. Tapi tak usahlah kita jadinya beban -- malah sebaik-baiknya kita jadikan pengajaran supaya segala dosa itu tidak diulangi lagi.

14. Saya berdoa agar cita-cita kumpulan Sisters In Islam, Women's Aid Organisation dan Antara Budaya Malaysia dalam menganjurkan majlis ini akan tercapai.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan 'A Day of Non-Violence and Forgiveness' -- iaitu Hari Keamanan dan Kemaafan.

Terima kasih.
